

11 DEC 1998

Agong-Tanzania/I

JALINKAN KERJASAMA JADI PERKONGSIAN YANG KUAT, TITAH AGONG

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar malam ini bertitah bahawa kerjasama yang lama terjalin antara Malaysia dan Tanzania boleh berkembang menjadi kerjasama yang kuat.

Ketika berucap pada majlis santapan negara meraikan Presiden Tanzania Benjamin William Mkapa di Istana Negara di sini, Seri Paduka berkata kedua-dua negara boleh menjalin kerjasama dalam bidang seperti sains, perdagangan, ekonomi dan sukan.

"Beta yakin bahawa semasa lawatan ini, bidang-bidang baru bagi kerjasama akan diterokai dan dijalin," titah yang di-Pertuan Agong.

"Mwalimu Julius Nyerere sejak mula lagi telah menunjukkan minat, menyokong dan semangat persahabatan bagi Malaysia. Mwalimu membawa kepada Malaysia dan negara membangun yang lain paradigme bagi berdikari, kemerdekaan dan mewujudkan negara baru berasaskan masyarakat pelbagai kaum.

Dr Nyerere ialah Presiden Tanzania yang pertama dan beliau sekarang pengerusi Suruhanjaya Selatan.

Tuanku Ja'afar bertitah bahawa Malaysia mempunyai komitmen untuk meneruskan kerjasama yang terjalin dalam konteks mengadakan hubungan rapat dengan Tanzania.

Mkapa, yang diiringi oleh isterinya Anna, tiba di sini hari ini untuk lawatan negara tiga hari.

Titah Tuanku Ja'afar, hubungan antarakedua-dua negara tidak lagi berkisar kepada pertemuan antara kerajaan dengan kerajaan pada peringkat tertinggi tetapi juga sektor swasta.

Menurut Seri Paduka, Malaysia amat gembira kerana kerajaan Tanzania telah menunjukkan minat yang mendalam supaya syarikat-syarikat Malaysia menyertai projek infrastruktur penting di negara itu.

Mengenai masalah ekonomi Malaysia, Seri Paduka bertitah: "Walaupun teruk terjejas, negara telah dapat mengawal kadar pertukaran dan ini membolehkan negara menuju ke arah pemulihan."

Ketika berucap, Mkapa berkata lawatannya berupa pengalaman untuk mempelajari pelbagai perkara dari Malaysia dan memberi peluang kepada Tanzania untuk bertukar-tukar pendapat mengenai pelbagai isu kepentingan bersama.

"Semasa merdeka, Malaysia dan Tanzania lebih kurang mempunyai pendapatan per kapita yang sama tetapi hari ini Malaysia lebih kaya sedangkan Tanzania masih antara negara termiskin di dunia. Kami berharap keajaiban Malaysia akan menyinari kami," kata beliau.

Mkapa berkata pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini amat berhasil dan ia telah membawa mereka ke era baru kerjasama.

Mkapa berkata kedua-dua negara telah bersetuju beberapa tahun lalu untuk menubuhkan rangka kerja bagi kerjasama dalam bidang ekonomi, saintifik, teknikal dan kebudayaan.

"Kita harus meletakkan asas politik dan mewujudkan senario bagi sektor swasta memainkan peranannya sebagai penggerak pembangunan ekonomi."

Mkapa berkata walaupun Malaysia melalui keadaan yang getir, beliau yakin bahawa keadaan akan pulih pada masa depan.

Beliau berkata selama beberapa tahun, Dr Mahathir telah menyuarakan peringatan tentang perlunya kerajaan-kerajaan melaksanakan kawalan bagi pengaliran modal di global.

"Ada yang menyifatkannya sebagai heretik. Tidak lagi sekarang. Ini

hasil daripada krisis keangan yang melanda Asia. Pendapatnya semakin diterima dan satu bentuk kawalan dapat mengurangkan kerosakan yang disebabkan oleh krisis itu," kata beliau.

-- BERNAMA

NZ AR FAZ